

02/04/2001

Kejatuhan Dow Jones memanfaatkan BSKL

Fred Tam

MINGGU lalu, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatat prestasi terburuk di kalangan bursa serantau. Penanda aras bursa itu, Indeks komposit (IK) jatuh 21.79 mata atau 3.26 peratus untuk ditutup 647.48 mata pada Jumaat. Indeks EMAS susut 4.66 mata atau 3.03 peratus untuk ditutup pada paras 149.15 mata.

Lantunan teknikal Dows Jones sebanyak 294 mata kepada 9,799 Khamis lalu tidak membantu BSKL. Sebaliknya, BSKL terus dihantui kebimbangan terhadap kesan kelembapan berterusan ekonomi Amerika Syarikat terhadap ekonomi Malaysia. Pelabur terus menyisih berikutan kebimbangan itu dan ini dicerminkan oleh jumlah dagangan harian rendah, iaitu secara purata 75 juta saham bertukar tangan setiap hari.

Pengumuman langkah rangsangan fiskal oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu tidak memberi kesan ketara kepada bursa tempatan. Mungkin jika Bank Negara Malaysia menurunkan kadar campur tangannya dan menilaikan semula tambatan ringgit kepada dolar AS, BSKL akan memberi tindak balas. Tetapi sejauh mana IK mampu melantun jika dua langkah itu dibuat menjadi tanda soal kepada semua.

Agak jelas arah aliran pasaran sekarang masih menurun. Meskipun banyak pengumuman menarik dibuat, paling baik dapat dilihat ialah lantunan sementara oleh pasaran.

Arah aliran ini adalah sesuatu yang tidak boleh ditangani oleh Malaysia secara bersendirian. Apa yang diperlukan ialah aliran masuk dana asing. Agak malang pengurus dana asing turut melihat kepada Indonesia dan Thailand untuk menilaikan potensi Malaysia. Memang tidak patut membandingkan epal dan oren. Berbanding Indonesia dan Thailand, banyak sudah dilakukan Malaysia sejak 1998 untuk menyusun semula bank, firma insurans dan syarikat senaraian awam menerusi Danaharta dan Danamodal. Kejayaan mereka menghembus nafas kepada syarikat yang hampir menggulung tikar kini menjadi ikutan negara Asia yang lain.

Sementara itu, Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL juga sudah berhempas pulas untuk meningkatkan tadbir urus dan ketelusan korporat tempatan, termasuk mengenakan peraturan yang lebih ketat terhadap laporan korporat dan sebagainya. Malaysia melaksanakan segala langkah berkenaan tanpa bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Namun, ia tetap tidak diindahkan oleh pengurus dana asing kerana Malaysia digolongkan oleh mereka bersama-sama negara Asia Tenggara dan Asia yang lain.

Bagaimanapun, satu hari arus positif akan kembali juga ke Asia kerana lambat laun dana AS dan Eropah akan menyedari ada hadnya bagi peningkatan bursa AS. Mungkin keputusan Rizab Persekutuan AS pada 20 Mac lalu untuk menurunkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas berbanding harapan pasaran sebanyak 75 mata asas, sudah mencetus permulaan kejatuhan pasaran AS. Dow Jones kini sudah berada pada paras terendah dalam dua tahun. Peningkatan Nasdaq daripada 250 mata pada Oktober 1984 kepada paras tertingginya 5000 pada Mac 2000, sudah berakhir dan kini sudah jatuh 62 peratus dalam setahun.

Selepas Nasdaq, kini giliran Dow Jones pula untuk jatuh. Secara teknikalnya Dow Jones sudah mencatat corak Diamond Reversal dan telah mencecah paras sokongan utama. Corak ini memberi isyarat pasaran akan menukar arus.

Sentimen pasaran di AS turut membayangkan bahawa pelabur lebih berminat untuk menjual daripada membeli sekarang. Dengan sentimen sedemikian, agak

sukar mana-mana pihak untuk mempertahankan pasaran, meskipun dengan penurunan kadar faedah sebanyak 100 mata asas.

Jika bursa AS terus jatuh, saya yakin dana di negara itu akan mengalir keluar untuk menghidu peluang yang lebih baik. Banyak yang boleh ditawarkan kepada pelabur institusi oleh negara Asia Pasifik dan Malaysia adalah antara negara terbaik bagi pelabur institusi untuk melabur di rantau ini. Meskipun terdapat beberapa kecacatan, sudah banyak dilakukan negara untuk memperbaiki kesilapan dan kelemahannya.

(END)